

Wujud polisi kerja tambun tanah

Akan diputuskan sebaik kajian pakar dibuat, cari kaedah terbaik atasi masalah air bertakung

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Kerajaan negeri sedang menimbang cadangan untuk mewujudkan polisi atau garis panduan bagi kerja-kerja menambun tanah untuk tujuan pembangunan serta membina kediaman persendirian di Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman berkata, perkara itu akan diputuskan sebaik selesai kajian dilakukan yang akan dilaksanakan oleh pakar dalam bidang berkaitan, bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik terutamanya membabitkan masalah air bertakung.

“Seperti yang kita sedia maklum, bukan sesuatu perkara yang mudah untuk kita menentukan faktor utama berlakunya masalah banjir ini kerana ia memerlukan kajian se-



Ahmad Razif (kiri) bermesra dengan mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kompleks Gong Badak.

cara menyeluruh oleh mereka yang mempunyai kepakaran tinggi.

“Saya sudah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS) mengenal pasti konsultan yang mempunyai kepakaran bagi melaksanakan kajian terperinci masalah air bertakung,” katanya membuat

lawatan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Kompleks Gong Badak, di sini, malam kelmarin.

Menurut beliau, pe-

laksanaan kajian sedemikian perlu bagi membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan unit perancangan membuat garis panduan khusus bagi projek pembangunan di Terengganu, terutamanya di Kuala Nerus.

“Jika kita tidak membuat kajian sebegini, ia akan memberi masalah kepada pihak berkuasa untuk menentukan syarat untuk sebarang pembangunan terutamanya di daerah baharu Kuala Nerus yang begitu pesat membangun.

“Ini kerana, kita dapat melihat dengan jelas bahawa projek perumahan di daerah ini (Kuala Nerus) begitu pesat sekali kerana kedudukannya di pusat lingkaran ilmu iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan lain-lain, ditambah pula

“ Saya sudah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenal pasti konsultan yang mempunyai kepakaran bagi melaksanakan kajian terperinci masalah air bertakung.”

- Ahmad Razif

dengan pembangunan yang sedang pesat ketika ini,” katanya.

Dalam perkembangan sama, kerajaan negeri akan mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menangani masalah banjir di negeri ini terutamanya Kuala Nerus yang terjejas teruk akibat banjir di luar jangkaan yang melanda baru-baru ini.